

Lengkapkan dialog dengan maklumat yang sesuai berdasarkan maklumat diatas.

- Imran : Ini gambar-gambar_____?
- Amar : Ini gambar yang saya ambil untuk membuat folio.
- Izuni : Apakah_____folio awak ?
- Amar : Tajuk folio saya_____” Citra Pendidik”.
- Imran : _____sikap warga pendidik?
- Amar : Mereka baik hati dan gigih mendidik,_____,
sanggup menghadapi cabaran dan prihatin
- Izuni : Buktinya_____?
- Amar : Begini, mereka rela dan reda berkhidmat di mana-mana
tempat. Mereka boleh bertugas di pedalaman
_____ tempat itu kekurangan kemudahan asas.
Mereka juga rela_____seperti
menaiki bot dalam tempoh masa yang lama untuk ke sekolah
yang jauh di pedalaman.
- Imran : Betul. Mereka reda tinggal di rumah yang kurang selesa. Di situ
mereka juga mengadakan kelas tuisyen untuk membantu
murid-murid. Mereka umpama
_____.
- Amar : Itu Cikgu Rahman, beliau sanggup _____
semasa melalui jalan yang sukar ke sekolah beliau.
- Imran : Budak ini_____?
- Amar : Ini Islah. Dia murid yang kurang berkemampuan. Atas sikap
_____, Cikgu Rahman akan menjemput Islah dari
rumahnya. Cikgu Rahman juga ringan tulang. Beliau selalu
membantu penduduk kampung itu.

prihatin

apa

siapa

ialah

walaupun

Bagaimanakah

reda

apa

tajuk

lilin

menempuh cabaran

berkorban nyawa